

Tauke bauksit hilangkan diri, gagal jelaskan baki korek tanah ladang

Ramai peneroka berputih mata

Oleh LUQMAN HAKIM AB. RAHIM

KUANTAN – Yang dikejar tidak dapat, yang diken-dong pula berciciran.

Demikian nasib menimpa lebih 100 orang peneroka Felda Bukit Goh di sini yang berputih mata akibat termakan janji manis pengusaha bauksit.

Mereka bukan sahaja kehilangan rezeki utama ia itu tanaman kelapa sawit malah turut kepingin hasil daripada aktiviti perlombongan bahan mineral tersebut.

Seorang peneroka di Felda Bukit Goh di sini, Abdul Ghani Hamzah, 78, berkata, beberapa bulan lalu, dia didatangi beberapa individu yang memperkenalkan diri sebagai pengusaha bauksit untuk melihat tanah ladang sawitnya seluas 4.04 hektar.

“Mereka menyerahkan wang sebanyak RM500 untuk melihat tanah. Setelah perbincangan, persetujuan dicapai iaitu dua hektar tanah akan dikorek untuk menge-



ABDUL GHANI



RUDIAH



KEADAAN di sekitar kawasan perlombongan bauksit di Felda Bukit Goh, Kuantan kelihatan lengam semalam.

luarkan bauksit manakala baki-nya tidak diusik kerana merupakan kawasan paya.

“Dalam tempoh tersebut sehingga kini, saya hanya menerima kira-kira RM100,000 dan itu pun melalui empat kali pembayaran. Setelah itu apabila saya telefon tidak menjawab,” katanya ketika ditemui di sini

Bertambah perit, Abdul Ghani mendakwa, dia telah membesarkan rumahnya di sini sebaik sahaja menandatangani perjanjian untuk mengeluarkan bahan mineral



KERATAN Kosmo! 7 Januari 2016.

itu dari ladangnya.

“Kos membesarkan rumah ialah RM210,000. Bayangkan saya terpaksa mengeluarkan wang simpanan pula. Baru hendak mengharapkan duit bauksit tetapi tauke (pengusaha) pula hilangkan diri.

“Saya tidak tahu bagaimana dengan nasib saya sekiranya



SEORANG pegawai penguat kuasa Pejabat Tanah dan Galian Pahang memantau lori membawa bauksit dari kawasan perlombongan di Felda Bukit Goh, Kuantan semalam.

selepas tiga bulan ini mereka terus menghilangkan diri sedangkan ladang telah dikorek dan ditinggalkan begitu sahaja tidak ditimbus semula,” katanya.

Sementara itu, seorang lagi peneroka, Rudiah Saad, 68, berkata, dia menerima wang pendahuluan sebanyak RM80,000 selepas perjanjian bersama pengusaha ditandatangani.

“Saya dimaklumkan akan menerima lebih RM1 juta tetapi hanya dapat RM800,000. Duit tersebut telah habis. Itu sahaja pendapatan masa depan saya,” jelasnya.

Sementara itu, anggota penguat kuasa Pejabat Tanah dan Galian Pahang terus me-

lakukan pemantauan di kawasan Felda Bukit Goh dan mengambil tindakan terhadap beberapa buah lori yang cuba membawa keluar bahan mineral tersebut.

Pada 6 Januari lalu, Kabinet memutuskan semua aktiviti perlombongan dan pengeksportan bauksit di Pahang dihentikan sementara selama tiga bulan bermula 15 Januari ini bagi menangani isu pencemaran alam sekitar ekoran aktiviti berkenaan.

Langkah itu adalah antara perkara yang terkandung dalam moratorium yang diputuskan oleh Kabinet ke atas aktiviti perlombongan dan pengeksportan bauksit di negeri itu.